



# buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

TAHUN BAHARU  
**2022**

JANUARI  
2022



ISSN 1985 - 7624  
9771985762009

# SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT  
Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG  
Puan Rohana binti Ismail

PENOLONG KETUA PENGARANG  
Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli  
Encik Mazli bin Che Mamat

SIDANG PENGARANG  
Sidang Redaksi Salam

GRAFIK  
Encik Mazli bin Che Mamat  
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI  
Unit Media PPAT

PENERBIT  
Sidang Redaksi SALAM  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,  
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,  
21572 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

Tel : 09-622 1100  
09-622 0052  
Fax : 09-622 1534  
E-mel : ppat@trglib.gov.my  
URL : <http://www.trglib.gov.my>



[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara  
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,  
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau  
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara  
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain  
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

# SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum w.b.t dan Salam  
Sejahtera

Alhamdullilah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, Buletin SALAM PPAT telah melalui fasa perubahan yang mana tidak lagi dikeluarkan secara dwi-tahunan. Bermula edisi 2022, BULETIN SALAM PPAT akan diterbitkan secara bulanan yang menjadi nafas baharu dalam penyampaian berita lebih terkini kepada pembaca.

Dalam edisi BULETIN SALAM 2022, setiap aktiviti yang dilaksanakan pada bulan tersebut akan dipaparkan pada bulan berikutnya bagi memberi gambaran kepada para pembaca terhadap aktiviti yang dijalankan. Langkah ini juga adalah bertujuan untuk merapatkan lagi perpustakaan dengan masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan minat membaca.

Dikesempatan ini juga saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada ahli sidang pengarang yang komited dalam mengumpul dan menyediakan bahan laporan berita aktiviti. Semoga dengan terbitan BULETIN SALAM kali ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.



Ketua Editor  
Rohana binti Ismail





ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULAN JANUARI 2022

**TAHNIAH**  
Azlinawaty Binti Muda  
Penolong Pustakawan S32  
Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan  
Dan Maklumat


 [www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)  PPATerengganu  
 [ppat@trglib.gov.my](mailto:ppat@trglib.gov.my)  PPAT TV



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULAN JANUARI 2022

**TAHNIAH**  
Roni Bin embong  
Pembantu Operasi N14  
Bahagian Pengurusan  
Dan Pembangunan Koleksi

 [www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)  PPATerengganu  
 [ppat@trglib.gov.my](mailto:ppat@trglib.gov.my)  PPAT TV



Tajuk	: Birds of Terengganu
Penulis	: Anuar McAfee
Penerbit	: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin dengan usaha sama Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM)
ISBN	: 9789670899527
Harga	: RM 32.00
Muka Surat	: 157
Tahun	: 2017

## Sinopsis —

Buku ini merupakan buku panduan burung dwibahasa yang pertama bagi Terengganu dan mudah digunakan. Ia menunjukkan lokasi memerhati burung yang terbaik di negeri Terengganu dan menyediakan senarai semak yang lengkap dan terkini bagi 436 spesis burung di Terengganu.

Terkenal dengan pulau-pulau tropika yang indah, perkampungan yang tenang, dan hutan hijau yang subur, Terengganu kaya dengan pelbagai jenis hidupan liar. Buku ini membantu memperkenalkan anda kepada burung, haiwan yang paling mudah untuk diperhatikan di Semenanjung Malaysia.

Buku ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan pembaca kepada penemuan pelbagai jenis burung yang dapat ditemui dan bahagian ini juga memperincikan beberapa lokasi yang terbaik untuk melihat burung-burung tersebut.

Bahagian kedua pula memaparkan gambar-gambar dan penerangan ringkas bagi 172 spesis burung. Kebanyakan spesis burung yang dipaparkan boleh dilihat oleh pemerhati burung tanpa memiliki kemahiran yang tinggi.

Bahagian terakhir memaparkan senarai terperinci semua spesis burung yang terdapat di sekitar Terengganu. Buku ini merupakan satu pengenalan kepada mereka yang ingin menceburi bidang memerhati burung. Paparan serta penerangan tentang spesis-spesis yang lazimnya ditemui di Malaysia menjadikan buku panduan ini sesuai untuk diguna pakai di seluruh Semenanjung Malaysia.

Catatan: Buku ini boleh didapati di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu  
(Unit Koleksi Terengganu)

## SOROTAN



### SEMINAR ASAS TARANNUM

Rumah Ngaji Terengganu dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negei Terengganu (PPAT) telah mengadakan Seminar Asas Tarannum secara atas talian pada 8 Januari 2022 (Sabtu), bermula jam 8.30 pagi - 12.00 tengahari dan disiarkan secara langsung melalui FB Rumah Ngaji dan FB PPAT.

Seminar ini disampaikan oleh Ustaz Abdul Hadi dan moderatornya adalah Ustaz Amir Syakirin.

Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) telah mengadakan latihan literasi maklumat u-Pustaka kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin SMA(A)SZA dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai bagi mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan di dalam portal u-Pustaka. Pelajar diberi tunjuk ajar tentang cara-cara untuk mendaftar sebagai ahli dan kaedah menggunakan pengkalan data yang terkandung di dalam portal tersebut.

Latihan ini telah diadakan dengan menggunakan platform zoom meeting dalam 3 sesi pada 18, 24 dan 26 Januari 2022 dan melibatkan seramai 352 pelajar.

LATIHAN LITERASI MAKLUMAT  
U-PUSTAKA @ SMA(A)SZA

18, 24 & 26 JAN 2021  
10.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI

TINGKATAN 1 : 18 JANUARI 2021  
TINGKATAN 2 : 24 JANUARI 2022  
TINGKATAN 3 : 26 JANUARI 2022

JOM SERTAI E-SULIR DISEDIAKAN



## SOROTAN

### PERPAT

Pada 27 Disember 2021, Mesyuarat Agung Kelab Sukan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PERPAT) Dwi Tahunan Kali Ke -13 bagi Sesi 2021/2023 telah diadakan.

Mesyuarat tersebut telah diadakan secara atas talian menggunakan platform Zoom Meeting dengan kehadiran 146 orang ahli daripada 169 orang ahli.

Fokus utama mesyuarat tersebut adalah untuk melantik ahli jawatankuasa baharu Kelab Sukan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PERPAT) Sesi 2021/2023 .

### LANTIKAN BAHARU AJK PERPAT

Pengerusi Tetap  
Encik Kamarulzaman Bin Mahmood

Pengerusi  
Encik Ahmad Fadli Bin Mohamed

Naik Pengerusi  
Encik Mohd Shukor Bin Salleh

Setiausaha  
Cik Nadiah Binti Embong

Penolong Setiausaha  
Puan Nazimah Binti Mamat @ Ali

Bendahari  
Puan Juliadavini Binti Jusoh

Penolong Bendahari  
Puan Hafizah Akma Binti Mohd Razaki

Pemeriksa Kira-Kira 1  
Puan Che Roslina Binti Awang

Pemeriksa Kira-Kira 2  
Puan Nadia Hanim Binti Zulkifli

### Ahli Jawatankuasa Induk

Encik Mazli Bin Che Mamat  
(Pengerusi Biro Sukan, Kesenian dan Rekreasi)

Encik Muhammad Idris Bin Ahmad  
(Pengerusi Biro Ekonomi, Kerjaya dan Pendidikan)

Encik Che Mohd Asri Bin Che Mahmud  
(Pengerusi Biro Agama, Kebajikan dan Kemasyarakatan)

Encik Nik Dzuhaniff Bin Nik Dazuki  
(Pengerusi Biro Publisiti dan Penerbitan)

Puan Aini Nur Farah Hani Binti Mohd Nor

Encik Zulfakar Bin Elias

Encik Hamidi Bin Ramli

Puan Aziah Binti Ariffin

Puan Nur Fadhilah Binti Nordin

Encik Mohd Fakhrurazi Bin Ngah

Encik Mazlan Bin Abd Rahman

Encik Mohd Hafizie Bin Mustafa

Encik Mohd Zulhilmi Bin Mokhtar

Encik Hamizan Bin Zaidi

Cik Dini Sharleena Binti Subhi Shah

## Apa itu DOS PENGGALAK (BOOSTER DOSE)?


**Dos penggalak (booster dose) merupakan dos tambahan yang perlu diberikan kepada seseorang yang sebelumnya mendapat perlindungan yang mencukupi selepas vaksinasi lengkap, namun perlindungan tersebut menurun dari semasa ke semasa ( warning immunity).**

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Pada pendapat saya, secara umum dos penggalak sebenarnya perlu untuk membantu mempertingkatkan lagi imunisasi tubuh badan seseorang, tetapi mengharapkan dos penggalak ini mestilah bersesuaian mengikut paras umur seseorang

Norhafidayu binti Shafie, 32



Dos penggalak merupakan salah satu langkah yang disarankan oleh pihak kerajaan dan perlu disambut baik oleh masyarakat bagi menjamin penularan wabak covid-19 dapat dibendung dikalangan masyarakat Malaysia khususnya.

Maslina binti Md. Ludin, 36.





Bookdrop PPAT disediakan untuk memudahkan urusan pemulangan buku oleh pengguna selepas waktu pejabat. Lokasi Mesin Pemulangan Buku (Bookdrop) yang berada di hadapan perpustakaan boleh digunakan 24 jam setiap hari. Kewujudan bookdrop ini telah membantu memudahkan urusan para pengguna perpustakaan yang tidak mempunyai kesempatan masa untuk membuat pemulangan buku melalui kaunter pemulangan. Buku-buku yang dipinjam dari mana-mana rangkaian perpustakaan (PPAT) boleh menggunakan perkhidmatan ini.

Pengguna hanya perlu mengikut arahan yang dipaparkan di skrin bagi menyelesaikan transaksi pemulangan buku. Setiap buku yang dihantar melalui bookdrop akan automatik dikemaskini rekod pemulangan di dalam sistem pemulangan buku.

Mesin Pemulangan Buku (Bookdrop) ini telah memulakan operasinya pada 15 September 2014.

# BOOKDROP



# SELAMAT TAHUN BAHARU

# 2022

Salam  
JANUARI 2022

“ Di belakang kita berdiri satu tugu yang bernama nasib, di sana telah tertulis rol yang akan kita jalani. Meskipun bagaimana kita mengelak dari ketentuan yang tersebut dalam nasib itu, tiadalah dapat, tetapi harus patuh pada perintah-NYA.

-BUYA HAMKA-



[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV